



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KPDN MENYOKONG PERTUMBUHAN SEKTOR E-DAGANG YANG SEMAKIN PESAT BERKEMBANG

SELANGOR, 25 MEI 2024 – Hari ini saya telah menyampaikan ucapan khas dan menyempurnakan Majlis Anugerah Malaysia Top E-Commerce Merchants (Top ECM) 2023 anjuran *Selangor Information Technology and Digital Economy Corporation* (Sidec) yang bertujuan untuk mengiktiraf pencapaian cemerlang dan inovasi para usahawan e-dagang di Malaysia.

Sektor e-dagang dalam ekonomi Malaysia telah menjadi pemacu penting pertumbuhan ekonomi dan menyumbang dengan ketara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. E-dagang mewujudkan platform untuk perniagaan tempatan, terutamanya Perusahaan Mikro Kecil & Sederhana (PMKS), untuk menjangkau pasaran yang lebih luas melangkaui batasan geografi, sekali gus meningkatkan capaian pasaran serta potensi untuk menjana pendapatan negara. Ia juga memupuk inovasi dan persaingan, menggalakkan perniagaan untuk menerima pakai teknologi baharu dan menambah baik perkhidmatan dan produk tempatan.

Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022, pendapatan sektor e-dagang menunjukkan peningkatan yang memberansangkan iaitu sebanyak RM1,099.7 bilion pada tahun 2022 atau peningkatan sebanyak 6% berbanding RM1,037.2 bilion pada tahun 2021. Pendapatan daripada transaksi e-dagang telah menjangkau RM1 trilion buat pertama kalinya pada tahun 2021 dan terus berkembang pada paras RM1 trilion bermula pada tahun 2021 dan berkekalan sehingga kini. Hal ini terbukti di mana pada tahun 2023, pendapatan sektor e-dagang telah mencecah RM1,153.6 trilion.

KPDN yang merupakan agensi utama dalam tadbir urus e-dagang di Malaysia turut mengambil langkah proaktif untuk memastikan industri ini dapat berkembang dengan pesat. Di samping mendukung inisiatif peringkat nasional antaranya Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian ke-4 (MED4IR), Pelan Hala Tuju Strategik E-Dagang (NESR), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), KPDN juga telah mewujudkan Jawatankuasa Pelan Strategik Digitalisasi Perdagangan Pengeedaran (DTDIGITAL) dan Jawatankuasa Semakan Semula Perundangan E-Dagang (JKED) yang mana kedua-dua jawatankuasa ini berperanan untuk memantau secara dekat prestasi pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan e-dagang selain mencadangkan dasar dan polisi serta program e-dagang yang holistik dan memberi impak besar kepada negara.

Ekoran perkembangan pesat sektor e-dagang ini juga, KPDN menerima peningkatan bilangan aduan khususnya aduan melibatkan transaksi dalam talian. Sehingga 31 Mac 2024, sejumlah 12,047 aduan daripada jumlah keseluruhan aduan adalah merupakan kes aduan transaksi dalam talian. Aduan tertinggi adalah daripada platform e-dagang Shopee dan diikuti oleh platform media sosial seperti Facebook dan Instagram.

Satu lagi cabaran penting ialah persekitaran kawal selia. Walaupun usaha telah dibuat untuk mewujudkan rangka kerja pengawalseliaan yang kondusif untuk e-dagang, masih terdapat kerja yang perlu dilakukan untuk menyelaraskan proses dan mengurangkan halangan birokrasi. Memastikan persaingan yang adil dan melindungi hak pengguna juga merupakan bidang kritikal yang memerlukan perhatian berterusan.

KPDN yang mengawal selia Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Perlindungan Pengguna 1999 serta Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 kini sedang mengkaji semula perundangan e-dagang sedia ada serta akan mencadangkan mekanisme kawal selia yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan pemain industri dan pengguna terjamin yang dijangka akan dapat diselesaikan pada suku ketiga tahun 2025.

KPDN juga mengucapkan syabas kepada Sidec atas penganjuran Majlis Anugerah Malaysia Top ECM Awards Tahun 2023 yang telah memasuki tahun kesembilan dan sekalung tahniah kepada semua usahawan e-dagang atas pencapaian dan inovasi yang cemerlang di Malaysia.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###